



PRIVACY NOTICE

This Privacy Notice serves as an information for customers and/or prospective customers of TM and its group of companies on the collection, processing and protection of your personal data and ensure our compliance to the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA 2010).

“TM”, “we”, “us” or “our” refer to TM and its subsidiaries, affiliates and related corporations. Please visit www.tm.com.my for full details on TM’s group of companies.

To find out more about PDPA 2010, you may visit the Department of Personal Data Protection of Malaysia at <https://www.pdp.gov.my>.

We may review and update this Privacy Notice from time to time to reflect changes in the law, changes in our business practices, procedures and structure, and the community’s changing privacy expectations. The latest version of the Privacy Notice shall be available at <http://www.tm.com.my>.

This Privacy Notice will take effect from 19 August 2024.

1. WHO WE ARE

TM is a leading convergence player in Malaysia, serving as a national provider of connectivity and digital technology. We value all our customers and are committed to build your trust by protecting your personal data. It is our utmost priority to ensure all your personal data provided to us are collected, processed and protected in the best possible way and in compliance with PDPA 2010.

As part of our commitment to comply with PDPA 2010, we have in place a governing structure for data privacy management including appointment of a Data Privacy Officer (DPO) who oversees the data privacy and protection across TM and its group of companies.

Our registered office is located at Level 51, North Wing, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur, Malaysia.

2. YOUR CONSENT

In order to serve you efficiently, your acceptance and consent to the terms of this Privacy Notice is required. By communicating, engaging with us or by using our products and services, you acknowledge that you have read and understood this Privacy Notice and agree, consent and explicitly consent to the use, processing,

disclosure and transfer of your personal data and sensitive personal data by us as described in this Privacy Notice as below:

2.1. Contract fulfilment

The collection and processing of your personal data in the form and manner as indicated in the registration process.

2.2. Personal data of minors

We do not knowingly collect Personal Data from children below the age of 18. If you are under the age of 18, you are required to obtain consent of your parents or legal guardian on your behalf to the processing of your Personal Data as described in this Privacy Notice.

2.3. Sensitive personal data

We shall not collect and process your sensitive personal data without obtaining your explicit consent and/or without having any purpose related to the products and/or services provided by us. “Sensitive personal data” refers to information of an individual related to their biometric data e.g. thumbprint, face recognition etc.

2.4. Third party collection, processing and verification

By submitting your information to us you have provided your consent for the collection, processing and verification of your personal data by one or more of our authorised third parties as stated in Section 5.1 of this Privacy Notice.

2.5. Third party personal data

In the event that you are to provide or disclose to us the personal data of a third party in any application, you hereby represent and warrant that consent has been obtained from the third party for collecting, processing and storing of their data.

2.6. Transfer of personal data outside Malaysia

It may be necessary to transfer your personal data and information to our authorised companies and third parties located outside of Malaysia. This may happen as these companies are based outside of Malaysia or where you access TM Portal or TM corporate website and/or use TM products and/or services from outside of Malaysia. By continuing accessing and/or using TM products and/or services, you consented to such transfer.

2.7. Transmit personal data to other service provider (data portability)

Upon your request, we will transmit your personal data to another service provider subject to our technical capability, feasibility and compatibility with the other provider.

2.8. Review and update to Privacy Notice

In the event of review and update of this Privacy Notice, we will communicate such review and update on our website or any other mode we may deem suitable. By continuing to use our services and products after the notification of review and update, you hereby agree to the review and update.

3. YOUR PERSONAL DATA

3.1. With your consent, we will collect, process and store your personal data as below (but not limited to):

- a) Name;
- b) Identification Card No.;
- c) Passport No.;
- d) Address;
- e) Telephone No.;
- f) Email Address;
- g) Contact Preferences;
- h) Date and/or Place of Birth;
- i) Photos and/or Images;
- j) Video Recordings e.g. CCTV surveillance & monitoring etc.;
- k) Audio Recordings e.g. voice records, call records etc.;
- l) Social Media Accounts/ Handles e.g. Tik Tok, Instagram, Facebook, You Tube etc.;
- m) Biometric Data e.g. thumbprint recognition, face recognition, voice recognition etc.

3.2. Should you intend to use TM Portal for online payment transactions, we will also collect, process and store additional personal data related to your financial information such as (but not limited to):

- a) Credit or Debit Card Information;
- b) Bank Account Information.

3.3. We may also collect, process and store non-personal data that are collected passively and cannot be used to specifically identify you which include:

- a) device-specific information such as hardware model, operating system version, unique device identifiers, mobile network information, memory, sound card data, Internet Protocol (IP) address;

- b) cookies that may uniquely identify your browser;
- c) details of how you access and/or use TM Portal or TM corporate website for example your search queries;
- d) total number of visitors accessing and/or using TM Portal or TM corporate website;
- e) diagnostic and usage data generated by your device;
- f) how you and other users use and interact with TM portal or TM corporate website.

3.4. Nonetheless, in the event where these non-personal data are collected, processed and stored with any of your personal data, these combined data will be treated as personal data as long as they remain combined.

4. OUR PURPOSES & SOURCES

4.1. All your personal data collected, processed and stored will only be used for one or more of the purposes below (but not limited to) and will not be used beyond the limit of these purposes:

- a) assess your application or continued provisioning of the products and/or services;
- b) verify and process payment, billing and billing enquiries;
- c) customising advertisements and content on TM Portal and any online sites of TM and its group of companies;
- d) responding to your enquiries;
- e) research purposes including but not limited to product and/or service improvement, historical and statistical purposes and analysis;
- f) general operation, maintenance and audit of products and/or services provided including its related website(s);
- g) verification purposes;
- h) matching any data relating to you which are held by TM and its group of companies from time to time;
- i) provide you with regular communications from TM relating to our products and/or services;
- j) investigation of complaints, suspicious transactions and to detect and prevent fraudulent activity;
- k) administer your participation in contest or loyalty programme organised by TM or any of its group of companies;
- l) credit checking with credit bureau or credit reporting agency or its subsidiaries;
- m) conduct market research;

- n) provide you with latest information, promotions and latest updates, special offers as well as marketing and advertising materials;
- o) comply with any regulatory, statutory or legal obligations.

4.2. Your personal data may be collected from one or more of the sources below (but not limited to):

- a) during service application/ registration;
- b) during interactions with us via any channel to resolve your enquiry and for service improvement;
- c) when you take part in any competition or survey;
- d) existing personal data publicly available;
- e) browser or website cookies;
- f) during your visit to our branches/ Unifi Store/ TMPoint.

5. DISCLOSURE OF YOUR PERSONAL DATA

5.1. In order for us to serve you efficiently, your personal data may be disclosed and processed by our authorised third parties including (but not limited to):

- a) respective Authorised TM Partner who are involved in providing Add-Ons;
- b) authorised Third Party or TM agents who are involved in providing the products and/or services for TM;
- c) companies in TM group of companies, affiliates and/or Authorised Third Party located outside of Malaysia who provides data processing services for TM;
- d) credit bureau or any credit reporting agency or its subsidiaries on the conduct of your account or business account;
- e) debt collection agencies;
- f) any person engaged by TM to fulfil its obligations to you and is under a duty of confidentiality and has undertaken to keep such data confidential;
- g) any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of TM's rights or business.

5.2. Your personal data may be disclosed to public and government authorities for one or more of purposes below:

- a) reasons of law;
- b) legal and/or litigation process;

- c) national security;
- d) law enforcement;
- e) other matters related to public interest

6. SECURITY OF YOUR PERSONAL DATA

6.1. All your personal data will be processed and stored securely only for as long as they are necessary (refer to Sections 3 and 4). In order to prevent your personal data from unauthorised access, improper usage and disclosure, unauthorised modification, unlawful destruction or accidental loss we have implemented measures below:

- a) comprehensive and systematic information security policies and rules;
- b) high level information security systems;
- c) continuous monitoring of the information security systems by our certified IT experts;
- d) our systems are only accessible by our dedicated personnel including authorised third parties with comprehensive password management;
- e) sharing, processing and storing of personal data between TM and authorised third parties are within secured environment;
- f) all our personnel including authorised third parties are obligated to comply with PDPA 2010;
- g) all our employees will be provided with regular awareness and training on PDPA 2010 related matters;
- h) regular risk assessment conducted on data privacy matters to ensure effective mitigations.

6.2. For transactions done via personal devices, we cannot accept responsibility for any unauthorised access or loss from using these devices as it may not be secured and may be exposed to unauthorised third party interception.

6.3. We will not request for your personal data from sources other than our authorised channels (refer to Section 8.2) and authorised third parties.

6.4. We will notify you and related authority without unnecessary delay on potential data breach to your personal data that could potentially cause significant harm.

6.5. For the safety and security of your personal data, we would advise for you to exercise the followings (but not limited to):

- a) Always log off from any system or application after accessing from any device including your own personal devices

- b) Refrain from using public wi-fi connections
- c) Use strong password (refrain from using your IC number either in whole or partly)
- d) Do not share your password with others e.g. banking portals/ apps, unifi portal etc.
- e) Do not simply share your personal, financial and sensitive information with others e.g. via phone calls, emails, sms, whatsapp etc.
- f) Do not simply accept or install any application without checking the legitimacy and authenticity e.g. APK, links to website etc.
- g) Keep your device software up-to-date
- h) Install appropriate and licensed anti-virus in your device

7. RETENTION OF YOUR PERSONAL DATA

- 7.1. We will retain your personal data as long as you remain as our customer.
- 7.2. Once you are no longer our customer, we will retain your personal data within a reasonable timeframe as permitted by the law and for one or more of purposes below (but not limited to):
 - a) billing;
 - b) tax purposes.
- 7.3. All your personal data will be disposed with good care and we implement appropriate measures to prevent from accidental loss and destruction.

8. DATA INTEGRITY & YOUR RIGHTS TO ACCESS

- 8.1. It is obligatory for our customers to provide us with the most accurate personal data for our services to be rendered to you. We reserve the right not to provide you with any of our services should the personal data provided do not meet our requirements.
- 8.2. You may request to access, correct and update your personal data and limit TM's right to process your data within the purposes as stated in Section 4.1 via channels below:
 - a) TM Contact Centre;
 - b) walk-in to our Unifi Store/ TMPPoint;
 - c) Unifi apps;
 - d) Unifi Selfcare portal

8.3. Any request of access to correct personal data may be subjected to a fee and also to applicable provisions in the PDPA 2010. However, we reserve the right to decline requests which jeopardise the security and privacy of the personal data of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

9. YOUR QUERIES OR COMPLAINTS

9.1. If you have any query or complaints on Personal Data, you may reach us via:

- a) 100 (from fixed or mobile number);
- b) +603 2241 1290 (from overseas number);
- c) <https://www.tm.com.my/corporate/corporate-contact>;
- d) privacyofficer@tm.com.my

NOTIS PRIVASI

Notis Privasi ini bertujuan memberi makluman kepada pelanggan dan/atau pelanggan prospek TM dan Kumpulan Syarikat TM berkenaan pengumpulan, pemprosesan dan perlindungan data peribadi anda dan memastikan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010)

“TM”, “kami” merujuk kepada TM, Kumpulan Syarikat TM, anak syarikat, syarikat berkaitan TM dan perbadanan berkaitan. Sila layari www.tm.com.my bagi maklumat lanjut berkaitan Kumpulan Syarikat TM.

Untuk maklumat lanjut berkenaan APDP 2010, anda boleh melayari laman sesawang Jabatan Perlindungan Data Peribadi di <https://www.pdp.gov.my>

Kami akan menyemak dan mengemaskini Notis Privasi dari masa ke semasa untuk mencerminkan sebarang perubahan undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan kami, prosedur dan struktur dan perubahan jangkaan terhadap privasi oleh masyarakat. Versi terkini Notis Privasi boleh diperolehi di <http://www.tm.com.my>

Notis Privasi ini berkuatkuasa bermula 19 Ogos 2024.

1. SIAPA KAMI

TM merupakan pemain konvergen terkemuka di Malaysia berperanan sebagai penyedia sambungan nasional dan teknologi digital. Kami amat menghargai kesemua pelanggan kami dan sangat komited dalam membina kepercayaan anda dengan melindungi data peribadi anda. Kami memberikan keutamaan tertinggi untuk memastikan data peribadi anda dikumpul, diproses dan dilindungi dengan sebaiknya sejajar dengan pematuhan kepada APDP 2010.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk mematuhi PDPA 2010, kami telah mewujudkan struktur pengurusan untuk privasi data, termasuk pelantikan seorang Pegawai Privasi Data (DPO) yang menyelia privasi dan perlindungan data di seluruh TM dan kumpulan syarikatnya.

Pejabat berdaftar kami terletak di Aras 51 Utara, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur, Malaysia.

2. PERSETUJUAN ANDA

Bagi memastikan kami dapat menyediakan perkhidmatan yang efisien kepada anda, penerimaan dan persetujuan anda terhadap syarat-syarat Notis Privasi ini diperlukan. Dengan berkomunikasi, berinteraksi dengan kami, atau menggunakan produk dan perkhidmatan kami, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Notis Privasi ini dan bersetuju, memberi persetujuan, dan secara jelas bersetuju dengan penggunaan, pemprosesan, pendedahan, dan pemindahan data peribadi serta data peribadi sensitif anda oleh kami seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini seperti di bawah:

2.1. Perlaksanaan kontrak.

Bagi tujuan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi anda di dalam borang permohonan atau dalam bentuk dan mengikut kaedah yang dinyatakan dalam proses pendaftaran.

2.2. Data Peribadi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

Kami tidak akan dengan sengaja mengumpul data peribadi dari kanak-kanak di bawah usia 18 tahun. Jika anda berumur di bawah 18 tahun, anda bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan ibu bapa atau penjaga yang sah bagi pihak anda untuk tujuan pemprosesan data peribadi seperti yang dijelaskan dalam Notis Privasi ini.

2.3. Data Peribadi sensitif.

Kami tidak akan mengumpul dan memproses data peribadi sensitif tanpa mendapatkan persetujuan anda secara jelas dan terang dan/ atau tanpa apa-apa tujuan berkaitan produk dan/ atau servis yang kami tawarkan. "Data peribadi sensitif" merujuk kepada maklumat berkenaan individu berkaitan data biometric cth. pengesahan cap jari, pengesahan muka dan lain-lain.

2.4. Pengumpulan, pemprosesan dan pengesahan oleh pihak ketiga.

Dengan menyerahkan maklumat anda kepada TM, anda dengan ini bersetuju dan membenarkan pengumpulan, pemprosesan dan pengesahan data peribadi anda oleh pihak ketiga yang berkebenaran seperti yang tertulis dalam Seksyen 5.1 Notis Privasi ini.

2.5. Data peribadi pihak ketiga.

Sekiranya anda perlu memberi atau mendedahkan kepada kami data peribadi pihak ketiga dalam manamana permohonan, anda dengan ini mengaku dan menjamin bahawa kebenaran telah diperolehi daripada pihak ketiga tersebut bagi membolehkan kami untuk mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi mereka.

2.6. Pemindahan data peribadi ke luar Malaysia.

Adalah mungkin perlu untuk memindahkan data peribadi dan maklumat anda kepada syarikat dalam kumpulan syarikat TM dan/atau pihak ketiga yang berkebenaran yang terletak di luar Malaysia. Ini boleh berlaku di mana syarikat dalam kumpulan syarikat TM dan/atau pihak ketiga yang berkebenaran adalah berpangkalan di luar Malaysia atau di mana anda mengakses portal TM atau laman sesawang korporat TM dan/atau menggunakan produk dan/atau perkhidmatan TM dari luar Malaysia. Dengan mengakses dan/atau menggunakan produk dan/atau perkhidmatan TM secara berterusan, anda bersetuju dengan pemindahan data peribadi dan maklumat anda.

2.7. Pemindahan data peribadi kepada pembekal perkhidmatan lain.

Atas permintaan anda, kami akan memindahkan data peribadi anda kepada penyedia perkhidmatan lain, tertakluk kepada keupayaan teknikal, kebolehlaksanaan, dan kesesuaian dengan penyedia lain tersebut.

2.8. Penyemakan dan pengemaskinian Notis Privasi.

Kami akan memaklumkan sebarang semakan dan kemaskini terhadap Notis Privasi ini di laman web TM atau mana-mana saluran yang berpatutan. Dengan meneruskan penggunaan servis kami selepas pemberitahuan berkenaan penyemakan dan pengemaskinian, anda dengan ini bersetuju dengan penyemakan dan pengemaskinian tersebut.

3. DATA PERIBADI ANDA

3.1. Dengan persetujuan anda, kami akan mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi seperti di bawah (tidak terhad kepada):

- a) Nama;
- b) No. Kad Pengenalan;
- c) No. Pasport;
- d) Alamat;
- e) No. Telefon;
- f) Alamat E-mel;
- g) No. keutamaan yang boleh dihubungi;
- h) Tarikh dan/ atau Tempat Lahir;
- i) Gambar dan/ atau Imej;
- j) Rakaman video cth. pengawasan dan pemantauan kamera litar tertutup (CCTV) dan lain-lain;
- k) Rakaman audio cth. rekod suara, rekod panggilan dan lain-lain;

- l) Akaun media sosial cth. Tik Tok, Instagram, Facebook, You Tube dan lain-lain;
- m) Data Biometrik cth. pengenalan cap jari, pengenalan wajah, pengenalan suara dan lain-lain

3.2. Sekiranya anda bercadang untuk menggunakan portal TM untuk tujuan pembayaran dalam talian, kami akan mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi tambahan berkaitan maklumat kewangan seperti (tidak terhad kepada):

- a) Maklumat Kad Kredit atau Debit
- b) Maklumat Akaun Bank

3.3. Kami juga mungkin mengumpul, memproses dan menyimpan data bukan peribadi secara pasif dan tidak dapat mengenal pasti anda termasuklah:

- a) maklumat khusus peranti seperti model perkakasan, versi sistem pengendalian, pengecam peranti unik, maklumat rangkaian mudah alih, memori, data kad bunyi, alamat protokol Internet (IP);
- b) *cookies* yang boleh mengenalpasti secara unik pelayar anda;
- c) butiran bagaimana anda mengakses dan/atau menggunakan Portal TM atau laman web korporat TM contohnya pertanyaan carian anda;
- d) bilangan pelawat yang mengakses dan/atau menggunakan Portal TM atau laman web korporat TM;
- e) diagnostik dan data penggunaan yang dihasilkan oleh peranti anda;
- f) bagaimana anda dan pengguna lain menggunakan dan berinteraksi dengan Portal TM atau laman web korporat TM;

3.4. Namun begitu, sekiranya data bukan peribadi ini dikumpul, diproses dan disimpan bersama-sama mana-mana data peribadi anda, gabungan maklumat tersebut akan dianggap sebagai data peribadi selagi ia kekal bergabung.

4. TUJUAN & SUMBER KAMI

4.1. Kesemua data peribadi anda yang dikumpul, diproses and disimpan hanya akan digunakan untuk salah satu tujuan di bawah (tidak terhad kepada) dan tidak akan digunakan melebihi tujuan-tujuan ini:

- p) untuk menilai permohonan anda atau penyediaan secara berterusan produk dan/atau perkhidmatan;
- q) untuk pengesahan dan pemprosesan pembayaran, bil dan pertanyaan bil;
- r) penyesuaian pengiklanan dan kandungan dalam portal TM dan apa-apa laman-laman web TM dan kumpulan syarikat TM;

- s) untuk menjawab pertanyaan anda;
 - t) untuk tujuan penyelidikan termasuk tetapi tidak terhad kepada penambahbaikan produk dan/atau perkhidmatan TM, sejarah dan statistik dan analisis;
 - u) operasi umum, penyenggaraan dan audit produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan termasuk laman web yang berkaitan;
 - v) tujuan pengesahan;
 - w) pepadanan data yang berkaitan dengan anda yang dipegang oleh TM dan kumpulan syarikat TM dari masa ke semasa;
 - x) menyediakan anda dengan komunikasi daripada TM yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan TM;
 - y) penyiasatan mengenai aduan, transaksi yang mencurigakan dan untuk mengesan dan mencegah kegiatan penipuan;
 - z) mentadbir penyertaan anda dalam peraduan atau program keahlian yang dianjurkan oleh TM atau mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat TM;
 - aa) semakan kredit dengan biro kredit atau agensi pelaporan kredit;
 - bb) menjalankan penyelidikan pasaran;
 - cc) menyampaikan maklumat terkini, promosi dan pengemaskinian terkini, tawaran istimewa serta bahan-bahan pemasaran dan pengiklanan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan;
 - dd) pematuhan kepada tanggungjawab kawalselia, statutori atau undang-undang;
- 4.2. Data peribadi anda mungkin dikumpul dari salah satu sumber di bawah (tidak terhad kepada):
- g) sewaktu permohonan/ pendaftaran servis;
 - h) sewaktu interaksi anda dengan kami melalui mana-mana saluran bagi menjawab pertanyaan dan penambaaian servis;
 - i) penyertaan anda dalam mana-mana peraduan atau kaji selidik;
 - j) data peribadi yang telah tersedia secara umum;
 - k) pelayar atau *cookies* laman web;
 - l) sewaktu anda berkunjung ke premis/ Unifi Store/ TMPoint

5. PENZAHIRAN DATA PERIBADI

- 5.1. Bagi memastikan kami dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk anda, data peribadi anda mungkin akan dizahirkan kepada dan diproses oleh pihak ketiga kami yang berkebenaran termasuk (tidak terhad kepada):

- h) rakan kongsi TM yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan tambahan (Add-Ons);
- i) pihak ketiga yang berkebenaran atau ejen-ejen TM yang terlibat dalam menyediakan produk dan/atau perkhidmatan untuk TM;
- j) syarikat dalam kumpulan syarikat TM, syarikat berkaitan TM dan/atau pihak ketiga yang berkebenaran yang terletak di luar Malaysia yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data untuk TM;
- k) biro kredit atau mana-mana agensi pelaporan kredit atau anak syarikatnya mengenai pengendalian akaun atau akaun perniagaan;
- l) agensi pelaporan kredit;
- m) mana-mana orang yang dilantik oleh TM untuk memenuhi tanggungjawab TM kepada anda, dan berada di bawah kewajipan kerahsiaan dan telah diamanahkan untuk menyimpan kerahsiaan data tersebut;
- n) mana-mana pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta atau subpeserta kepada hak atau perniagaan TM;

5.2. Data peribadi anda juga mungkin akan dizahirkan kepada pihak berkuasa awam dan kerajaan atas salah satu atau lebih tujuan di bawah:

- f) sebab-sebab undang-undang;
- g) proses dan/ atau tindakan undang-undang;
- h) keselamatan negara ;
- i) penguatkuasaan undang-undang;
- j) isu-isu lain berkenaan kepentingan awam.

6. KESELAMATAN DATA PERIBADI

6.1. Semua data peribadi anda akan diproses dan disimpan dengan selamat selama mana ianya diperlukan (rujuk Seksyen 3 dan 4) Bagi mengelakkan data peribadi anda daripada akses tanpa kebenaran, penyalahgunaan atau penzahiran yang tidak berpatutan, pengubahsuaian tanpa kebenaran, pemusnahan yang menyalahi undang-undang atau kehilangan yang tidak disengajakan, kami telah menggunakan langkah-langkah di bawah:

- a) polisi dan peraturan sekuriti maklumat yang komprehensif dan sistematik;
- b) sistem sekuriti maklumat yang ketat;
- c) pemantauan sistem sekuriti maklumat yang berterusan oleh pakar IT kami yang bertauliah;
- d) sistem kami hanya boleh diakses oleh pihak berkebenaran termasuk pihak ketiga yang berkebenaran dan dilengkapi dengan pengurusan kata laluan yang komprehensif;

- e) perkongsian, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi anda di antara TM dan pihak ketiga yang berkebenaran adalah melalui ekosistem yang selamat;
 - f) kesemua kakitangan kami termasuk pihak ketiga yang berkebenaran kami adalah bertanggungjawab untuk mematuhi APDP 2010;
 - g) kesemua kakitangan kami akan diberikan kesedaran dan latihan berkala mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan APDP 2010;
 - h) penilaian risiko secara berkala dilakukan mengenai perkara privasi data untuk memastikan mitigasi yang berkesan.
- 6.2. Bagi sebarang transaksi yang dilakukan melalui peranti peribadi yang berkemungkinan tidak selamat dan terdedah kepada pintasan pihak ketiga yang tidak berkebenaran, kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang akses tanpa kebenaran atau kehilangan data peribadi yang disebabkan oleh penggunaan peranti tersebut.
- 6.3. Kami tidak akan meminta data peribadi anda dari sumber selain saluran yang sah (rujuk Seksyen 8.2) dan pihak ketiga yang berkebenaran.
- 6.4. Kami akan memaklumkan kepada anda dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan kadar yang segera tanpa kelewatan yang tidak munasabah mengenai kemungkinan ketirisan data peribadi anda yang berpotensi menyebabkan kemudaratan yang signifikan.
- 6.5. Untuk keselamatan dan perlindungan data peribadi anda, kami menasihatkan anda untuk mengamalkan perkara-perkara berikut (tidak terhad kepada):
- a) Sentiasa memastikan anda log keluar daripada sistem atau aplikasi selepas mengakses daripada mana-mana peranti termasuk peranti peribadi anda;
 - b) Mengelakkan menggunakan capaian internet umum;
 - c) Gunakan kata laluan yang kuat (elakkan menggunakan no. kad pengenalan samaada sebahagian atau sepenuhnya);
 - d) Jangan berkongsi kata laluan anda cth. portal/ aplikasi perbankan, unifi portal dan sebagainya;
 - e) Jangan sewenang-wenangnya berkongsi maklumat peribadi, kewangan dan data sensitif kepada orang lain cth. melalui perbualan telefon, e-mel, sms, whatsapp dan sebagainya;
 - f) Jangan menerima atau memuat turun sebarang aplikasi tanpa memeriksa kesahihannya cth. APK, capaian kepada laman web dan sebagainya;
 - g) Sentiasa mengemaskini perisian peranti anda;
 - h) Muat turun perisian anti virus yang berlesen dan berpatutan;

7. PENYIMPANAN DATA PERIBADI

- 7.1. Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi anda kekal sebagai pelanggan kami.
- 7.2. Apabila anda bukan lagi pelanggan kami, kami akan hanya menyimpan data peribadi anda dalam jangka masa yang dibenarkan oleh undang-undang dan bagi tujuan yang diperlukan seperti di bawah (tidak terhad kepada):
 - c) pengebilan
 - d) percukaian
- 7.3. Semua data peribadi anda akan dilupuskan dengan cara yang berhemah. Kami juga mengambil langkah yang wajar bagi memastikan data peribadi terlindung dari kemusnahan dan kehilangan secara tidak sengaja.

8. INTEGRITI DATA & HAK ANDA UNTUK MENGAkses

- 8.1. Adalah wajib bagi setiap pelanggan untuk memberikan data peribadi yang tepat dan lengkap bagi menikmati perkhidmatan kami. Kami berhak untuk tidak menawarkan perkhidmatan kami kepada anda sekiranya data peribadi yang dibekalkan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 8.2. Anda boleh memohon untuk mengakses, membetulkan dan memperbaharui data peribadi anda serta menghadkan penggunaan dan pemprosesan data peribadi anda oleh TM bagi tujuan yang disenaraikan dalam Seksyen 4.1 melalui saluran di bawah:
 - a) Pusat Panggilan TM;
 - b) mengunjungi Unifi Store/ TMPoint kami;
 - c) aplikasi Unifi;
 - d) portal Selfcare Unifi;
- 8.3. Sebarang permohonan untuk membetulkan dan memperbaharui data peribadi adalah tertakluk kepada bayaran dan peruntukan-peruntukan di dalam APDP 2010. Kami juga berhak untuk menolak permohonan yang berpotensi untuk menjejaskan keselamatan dan privasi data peribadi orang lain serta permohonan yang tidak praktikal atau dibuat dengan niat yang tidak baik.

9. PERTANYAAN DAN ADUAN ANDA

9.1. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan data peribadi, anda boleh menghubungi kami melalui mana-mana saluran di bawah:

- e) 100 (dari talian tetap atau mudah alih);
- f) +603 2241 1290 (dari talian luar negara);
- g) <https://www.tm.com.my/corporate/corporate-contact>;
- h) privacyofficer@tm.com.my